

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATO

HUSSEIN ONN, DI MAJLIS MAKAN

"MALAM PERDANA" KERANA MEMUNGUT

DERMA KOMPLEKS BANGUNAN UMNO

MALAYSIA, DI JUBLI INTAN, JOHOR

BAHRU, PADA HARI KHAMIS, 11B MEI,

1980 - JAM 8.30 MALAM.

Yang Berhormat Pengerusi Majlis,
Dato Hajjah Hasnah bt. Hj. Ahmad,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerja
Kerajaan, *Negri*,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dif-Dif yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terimakasih
serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli
Jawatankuasa Penganjur, khususnya kepada Yang
Berhormat Dato Hajjah Hasnah, kerana sudi
menjemput saya berdua ke majlis ini, dan seterusnya
memberi penghormatan kepada saya menyampaikan
sepatah dua kata. Saya juga mengucapkan terima-

kasih dan penghargaan kepada penderma-penderma serta lain-lain pihak, yang telah turut menyumbangkan tenaga bagi menjayakan majlis yang meriah ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, bahawa UMNO telah ditubuhkan 34 tahun yang lalu. Ia telah ditubuhkan di atas kesedaran orang-orang Melayu sendiri, yang hendak mewujudkan perpaduan bagi menghadapi tekanan pada masa itu. Mereka berpendapat bahawa hanyalah melalui perpaduan, nasib masa depan dan kepentingan masyarakat

Melayu di negara ini, dapat dipelihara dan di perjuangkan dengan berkesan. Sesungguhnya, perpaduan orang-orang Melayu di bawah naungan UMNO, telah menghasilkan kejayaan pembangunan yang pesat di kalangan masyarakat Melayu dan kemajuannya dalam berbagai bidang. Semangat kegigihan dan perpaduan inilah, yang telah membawa masyarakat Melayu, pada keseluruhannya, kepada peningkatan keadaan hidup dan kedudukan ekonomi ke taraf yang tinggi sekarang ini.

3. Peranan utama UMNO ini, telah juga membangkitkan kesedaran rakyat dan penduduk negara seluruhnya. Hasil dari kesedaran yang berleluasa ini, masyarakat Melayu telah berjaya mewujudkan perpaduan, mengekalkan keamanan dan kemakmuran, yang telah dapat dinikmati bersama oleh lain-lain kaum di negara ini. Oleh itu, amatlah sesuai sekali serta memanglah kena pada masanya, bagi mengingati zaman yang gemilang dan kejayaan yang cemerlang ini, UMNO melancarkan dua projek besar, yang boleh melambangkan perpaduan masyarakat orang-orang Melayu selama ini.

4. Projek pembinaan Kompleks Bangunan UMNO Malaysia di Ibu Negara, akan menjadi lambang perpaduan politik masyarakat Melayu, sementara Koperasi Usaha Bersatu sudah semestinya mencerminkan perpaduan masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi. Kejayaan kedua-dua projek besar ini pula, akan membuktikan kegigihan pimpinan UMNO dalam tahun-tahun lapan puluhan, untuk terus menyatu-padukan seluruh masyarakat Melayu di negara ini, dalam apa jua bidang dan lapangan. Saya penuh yakin, Kompleks Bangunan UMNO Malaysia ini, bukan sahaja akan menjadi pusat tumpuan

bagi mengerat dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan politik orang-orang Melayu, bahkan akan menjadi landasan yang kukuh, bagi memesat dan meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi masyarakat Melayu dan kaum Bumiputra yang lain di tanahair kita.

5. Kejayaan dalam bidang politik dan ekonomi, memang silih bergantung diantara satu sama lain. Setakat ini, perjuangan orang-orang Melayu dalam bidang politik, telah dapat membuktikan banyak kejayaan. Salah satu daripada hasil perjuangan ini, ^{salah} orang-orang Melayu telah dapat mengukuhkan

taraf ekonomi mereka. Bagi memelihara dan mengekalkan kedudukan ~~taraf~~ ^{taraf} politik ke ~~tahap~~ yang ada sekarang ini, UMNO perlu menggiatkan lagi usaha-usahanya bagi mempertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi masyarakat Melayu seluruhnya. Justeru itu, Koperasi Usaha Bersatu telah ditubuhkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Koperasi Usaha Bersatu merupakan satu-satunya agensi bagi mengumpulkan wang orang-orang persendirian dari segenap lapisan masyarakat Melayu,

supaya dapat dilaborkan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara yang sedang pesat berkembang.

Kegiatan dan usaha Koperasi ini, dijangka akan di pesat dan ditingkatkan lagi dalam tahun-tahun lapar-puluhan. Saya menggesa orang-orang Melayu, khususnya ahli-ahli UMNO, yang belum lagi menyertai Koperasi Usaha Bersatu, supaya menjadi ahlinya secepat mungkin.

7. Memanglah diakui bahawa semangat menyertai dan meningkatkan kegiatan ekonomi ini, telahpun ditanam di kalangan masyarakat Melayu melalui dasar-dasar dan rancangan Kerajaan, yang digubal

dan dipelupuri oleh UMNO sendiri. Jelas di buktikan pada masa ini, ialah semangat kegigihan peniaga-peniaga dan pengusaha Melayu, yang sanggup dan berani bersaing dalam dunia perdagangan bebas dan terbuka. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka ini adalah terhadap, di sebabkan kekurangan modal. Penglibatan mereka yang meluas, hanya dapat dilihat dan dirasai kesannya di peringkat-peringkat kecil dan pertengahan.

8. Penyertaan orang-orang Melayu dalam perniagaan-perniagaan yang besar, hanyalah dapat dilakukan melalui pengumpulan modal dan penyatuan

tenaga, dalam bentuk sepertiimana yang diusahakan oleh Koperasi Usaha Bersatu. Saya berkehendakkan pemimpin-pemimpin UMNO di semua peringkat, menjalankan dayausaha yang lebih gigih dan terator, bagi menggalak dan mendapatkan penyertaan ahli-ahli UMNO khasnya, dan masyarakat Melayu seluruhnya, dalam Koperasi Usaha Bersatu. Sikap "tunggu dan lihat" yang diamalkan selama ini terhadap Koperasi Usaha Bersatu, mestilah dikikis dan dihapuskan. ~~Jangan bimbang~~; Insya Allah, Koperasi Usaha Bersatu akan mencapai kejayaan.

9. Ahli-ahli UMNO hendaklah melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan Koperasi Usaha Bersatu, jika mereka inginkan kejayaan dalam bidang ekonomi. Sikap dinamis dan kegigihan UMNO, yang telah dibuktikan dalam sejarah perjuangan politiknya, hendaklah diguna dan diamalkan dalam dunia perniagaan dan ekonomi amnya. Dengan cara ini, maka UMNO akan berjaya meningkatkan kedudukan masyarakat Melayu ke taraf kedudukan yang lebih tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Kedua-dua projek besar UMNO yang telah saya sebutkan sebentar tadi, menekankan terhadap perpaduan masyarakat Melayu. Perpaduan adalah tenaga kekuatan UMNO dalam perjuangannya di masa-masa yang lalu. Ia masih menjadi alat kekuatan UMNO dalam menjayakan matalamat perjuangannya di masa kini, dan seterusnya di masa-masa yang akan datang.

11. Kejayaan UMNO yang lepas-lepas, berpunca dari hasil perpaduan yang telah dapat diwujudkan di kalangan pemimpin dan ahli-ahlinya. Bagi

menghadapi cabaran dalam tahun-tahun lapan pulohan, UMNO perlu mengeratkan perpaduannya, dan seterusnya mengukuhkan perpaduan negara.



Dengan jalan ini, maka dapatlah kita semua mengatasi sebarang cubaan yang hendak mengancam keselamatan negara, menghalang dan membantutkan kemajuan, menghancurkan kemakmoran dan kebahagiaan rakyat, dan seterusnya memusnahkan negara.

12. Walau apa pun kemungkinan yang akan berlaku, rakyat jelata mestilah dan hendaklah mempertahankan negara ini, dengan jiwa raga mereka sekalipon.

Dengan semangat yang berani ini, maka dapatlah kita memelihara nilai-nilai sistem hidup aman bebas, yang telah kita anuti dan amalkan selama ini.

13. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih dan penghargaan di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya berdua di majlis ini.

Terimakasih.





No Siri	476
No Penerimaan	89/81